

Dunia Arab anggap Dr M penggerak dinar emas

BH 28 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disifatkan oleh dunia Arab sebagai pemimpin Islam yang diharap boleh menggerakkan dinar emas sebagai mata wang bagi perdagangan antarabangsa, khususnya di kalangan negara Islam.

Arab News dalam laporan khasnya baru-baru ini menyatakan cendekiawan, pakar ekonomi, usahawan, tokoh akademik dan pakar ekonomi yang mewakili negara Islam menunggu dengan penuh minat mesej Perdana Menteri mengenai dinar emas bulan depan.

Ia menyatakan bahawa seminar antarabangsa mengenai penggunaan dinar emas di Kuala Lumpur pada 25 dan 26 Jun ini akan memberi peluang kepada peserta untuk menilai sejauh mana kesediaan negara Islam menggunakan dinar emas dalam urusan perdagangan.

Akhbar itu menyatakan Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, mula mengemukakan idea peng-

gunaan dinar emas sebagai unit piawai mata wang untuk urusan perdagangan dan kewangan di antara 54 negara anggota Bank Pembangunan Islam (IDB) yang berpangkalan di Jeddah, tahun lalu.

"Ini selepas krisis kewangan yang melanda negara Asia termasuk Malaysia dengan teruknya pada 1999 dan 2000.

"Perdana Menteri Malaysia yang kerajaannya adalah penyokong paling kuat kewangan Islam di dunia ini, sudah menganjurkan konvensyen dalam negara mengenai dinar emas.

"Malaysia juga adalah negara yang menggunakan dasar dua sistem perbankan iaitu konvensional dan perbankan Islam tetapi bukan secara interaksi," katanya.

Arab News cuba membandingkan penggunaan dinar emas dan dolar Amerika dengan berpendapat turun naik pasaran mata wang menjejaskan banyak negara kerana mata wang mereka ditambah pada dolar Amerika.

Ini lebih-lebih lagi kebanyakan negara Islam ada-

lah pengeluar komoditi utama seperti minyak mentah, gas asli, minyak sawit, getah asli, beras dan teh yang dijual sebagai komoditi dan bursa saham hadapan dalam dolar Amerika.

"Tidak mengejutkan, banyak mata wang negara Islam termasuk Malaysia, ringgit, ringgit Malaysia, riyal Saudi, dinar Kuwait dan dirham Emiriyah Arab Bersatu (UAE), secara tradisinya ditambah pada dolar Amerika.

"Ekonomi Malaysia terjejas teruk pada 1999, berikutan krisis Asia yang menyaksikan dolar Amerika dan mata wang antarabangsa lain seperti yen Jepun dan paun Sterling naik mendadak berbanding ringgit," katanya.

Ia menyatakan, menamatkan mata wang tempatan kepada mata wang antarabangsa yang kukuh seperti dolar Amerika, ada baik dan buruknya.

Apabila dolar kukuh, mata wang yang mengekori dolar juga kekal kukuh secara relatif kepada mata wang antarabangsa lain.

Akhbar itu menyatakan, sebenarnya, dinar emas

sudah wujud sebagai unit mata wang di IDB, namun dinar emas IDB itu juga secara tidak langsung ditambat kepada dolar kerana satu dinar emas bersamaan satu hak pengeluaran khas Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), yang juga disandar kepada dolar.

Dengan itu, dolar kekal sebagai unit de facto mata wang IDB walaupun akaunya dan perakaunan dalaman dalam dinar emas.

Berikutan itu, *Arab News* mengajukan persoalan betapa pragmatik atau mujrabnya cadangan Dr Mahathir bagi penubuhan dinar emas.

Namun, katanya, Malaysia dari segi memperkenalkan bayaran antara negara membangun sudah merintis jalan apabila mengadakan bayaran dua hala (BPA) dengan Chile, Algeria dan Iran.

Akhbar itu menyatakan jalan itu dirintis oleh Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yacop yang disifatkan sebagai arkitek sistem perbankan Islam Malaysia.

Melalui kaedah itu, Malaysia boleh membayar akaun dagangannya dengan negara individu yang baru seperti Chile, Algeria dan Iran, menerusi dua bank pusat masing-masing, tanpa pembabit bank yang kosnya tinggi di London, New York atau Frankfurt.

Dua negara akan memperuntukkan sekumpulan kecil bank di negara masing-masing bagi mengendalikan urusan dagangan yang kemudiannya diselesaikan di antara dua bank pusat secara tahunan.

Arab News menyatakan apabila Nor Yacop mencadangkan untuk memperluaskan BPA kepada atur-aturan bayaran pelbagai hala (MPA), yang sepatutnya dibincangkan pada sidang kemuncak Kumpulan 77 negara membangun di New Delhi pada pertengahan 1990-an, IMF campur tangan dan memberi amaran kepada Malaysia bahawa sebarang penggunaan MPA adalah bercanggah dengan peraturan keahlian IMF.

IMF dengan segera

menghantar rombongan ke Kuala Lumpur untuk memberi tekanan akan ancamannya dan cadangan itu tidak pernah sampai ke agenda G77.

Nor Yacop kecewa kerana cadangan MPA itu dipinggirkan.

Hari ini, kata akhbar itu lagi, Nor Yacop mengetuai kajian segera mengenai penyusunan semula hutang korporat di Malaysia.

Mengenai pragmatik cadangan Dr Mahathir, ia menyatakan kemungkinan besar perkara itu tidak akan berlaku dalam pertukaran unit dinar emas di antara negara Islam, sekurang-kurangnya dalam keadaan sekarang.

Antara alasannya ialah ketidaksamaan ekonomi, kekurangan pembentukan pasaran modal, mata wang yang lemah, kekurangan liberalisasi ekonomi dan pembaharuan, kekurangan permuafakatan politik dan perpaduan di kalangan negara Islam.

Semua faktor itu katanya, melambatkan sebarang kejayaan pelaksanaan dinar emas sebagai unit pertukaran.